PEJABAT TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN KLINIKAL)
HOSPITAL KUALA LUMPUR
JALAN PAHANG
50586 KUALA LUMPUR
Telefon : 03-26155006
No. Fax : 03-26989845
Website : www.hkl.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : HKL/PEM/98/174/1/5 Jld.16 (12)
Tarikh : 10 Disember 2020

Pengarah
Pasukan Projek Khas 1
Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tingkat 3, Menara PJD
Ibu Pejabat JKR Malaysia
No.50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
(u.p.: Ir. Suzzana binti Punari)

Puan,

PROJEK KOMPLEKS DEWAN BEDAH, ICU DAN WAD TAMBAHAN, HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL)
- Permohonan Penutupan Jalan Dari Bangunan IUN Sehingga Bangunan Rehabilitasi Dan Kawasan Parkir MRI Bagi Kerja-Kerja Infra Bangunan Utama

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dalam rujukan (78) dlm.JKR.KPKR. 122A.060/150/030 Jld 8 bertarikh 2 Disember 2020 serta Sesi Pembentangan Penutupan Jalan Bagi Pelaksanaan Kerja-Kerja Infra Bangunan Utama yang diadakan pada 8 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman puan, HKL telah menerima surat permohonan daripada pihak puan bagi penutupan jalan selama **dua (2) minggu** dari Bangunan IUN sehingga Bangunan Rehabilitasi dan sebahagian kawasan parkir MRI untuk pelaksanaan kerja-kerja infra bangunan utama projek seperti di atas.

3. Sehubungan itu, HKL **tiada halangan** terhadap permohonan ini. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. **Kebenaran ini hanya tertakluk kepada permohonan penutupan laluan dan sebahagian kawasan tempat letak kereta seperti di perenggan 2 sebagaimana surat permohonan puan.**

ii. **Waktu pelaksanaan kerja yang dibenarkan adalah pada tarikh dan waktu yang dimohon sahaja iaitu daripada 12hb Disember 2020 sehingga 26hb Disember 2020 mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Sebarang perubahan kerja, tarikh dan waktu pelaksanaan kerja haruslah dimaklumkan terlebih dahulu secara bertulis kepada pihak HKL (2 minggu lebih awal);**

iii. **Pihak puan dimohon untuk memantau dengan baik kerja-kerja ini supaya pihak kontraktor JCSB menepati tarikh, masa kerja dan memastikan pihak JCSB menyediakan dua (2) orang pengawal trafik (24 jam) serta seorang *Traffic Management Officer* (TMO) di kawasan tersebut sepanjang kerja-**

kerja ini dilaksanakan terutama pada waktu puncak iaitu sekitar 6.30 pagi sehingga 8.30 pagi dan 4.30 petang sehingga 6.00 petang;

iv. **Pihak JCSB adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembaikan semula *(make good)* terhadap sebarang kerosakan sejurus selepas kerja-kerja selesai dilaksanakan dan memastikan sekitar kawasan kerja adalah bersih dan selamat untuk kakitangan HKL serta orang awam. Sebarang kerosakan yang berkaitan dengan kerja-kerja ini adalah di bawah tanggungjawab pihak JCSB;**

v. **Pihak JCSB bertanggungjawab untuk memastikan laluan alternatif keluar masuk bagi kenderaan kakitangan adalah terkawal, selamat dan boleh diakses;**

vi. **Pihak JCSB bertanggungjawab untuk menyediakan notis pemakluman berkenaan penutupan jalan dan perubahan laluan ke Bangunan Rehabilitasi dan MRI dan menempatkan notis di jalan masuk ke Bangunan IUN, jalan persimpangan Jabatan Kecemasan dan Trauma, HKL dan kawasan tempat letak kereta;**

vii. **Pihak JCSB bertanggungjawab untung menanggung kos tempat letak kereta bagi 12 kenderaan yang akan diletakkan di TLK Bertingkat (Blok B), HKL sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja tersebut dijalankan; dan**

viii. **Pihak puan hendaklah memaklumkan lebih awal kepada pihak HKL sekiranya terdapat sebarang jangkaan gangguan utiliti dan sistem pengoperasian akibat daripada kerja-kerja ini;**

3. Oleh yang demikian, pihak puan adalah dimohon untuk memberikan perhatian serta mematuhi syarat-syarat seperti yang telah dinyatakan di atas. Sekiranya terdapat sebarang kesulitan atau masalah berkaitan kerja-kerja ini, pihak puan boleh berhubung dengan Puan Suhaila binti Ahmad di talian 011-20866028 atau En. Mohamad Hazrul Helmi bin Mohamad Sum di talian 012-2535719.

4. Kerjasama dan perhatian pihak puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. RUSILAWATI BINTI JAUDIN) MPM:28222
Timbalan Pengarah (Sokongan Klinikal)
Hospital Kuala Lumpur
b.p. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

s.k: Pengarah, HKL

Timbalan Pengarah (Pengurusan), HKL

Timbalan Pengarah (Pembedahan), HKL

Timbalan Pengarah (Perubatan), HKL

Ketua Jabatan Urologi, HKL

Ketua Jabatan Nefrologi, HKL

Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi, HKL

Ketua Jabatan Radiologi, HKL

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kejuruteraan (Operasi), HKL

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Pembangunan dan Penswastaan, HKL

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Teknologi Maklumat, HKL - **(Dimohon untuk membuat hebahan di laman web rasmi HKL)**

Penolong Pegawai Keselamatan Kanan
Cawangan Keselamatan, HKL

Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pentadbiran, HKL

Ketua Penyelia
Bahagian Penyeliaan Hospital, HKL

Pengurus Besar
Radicare (M) Sdn Bhd, Cawangan HKL

Pengarah Urusan
Johawaki Construction Sdn Bhd
Wisma Johawaki, Lot 3669
Jalan Batu Tiga-Sg Buloh
Seksyen U6
40150 SHAH ALAM
(u.p.: En. Mohamad Shamsul Nizam bin Shahrom)

Pengurus Projek
Johawaki Construction Sdn. Bhd
Pejabat Tapak Bina JCSB
Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan
Hospital Kuala Lumpur
(u.p.: En. Mohamad Ikram bin Mohamed Khair)

Pengurus Urusan
Orbitech Solution Sdn. Bhd
E.111, Blok E
Pusat Dagangan Phileo Damansara 1
No. 9, 16-1, Off Jalan Damansara
46350 PETALING JAYA